

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perkembangan pembinaan rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) setakat ini dan bagaimana dengan keberkesanan penggunaan teknologi Sistem Binaan Industri (IBS) dalam pembinaan PPRT.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) tahun 2019, Kementerian telah mengambil beberapa inisiatif baharu untuk memastikan bantuan rumah dapat disampaikan kepada lebih ramai penerima yang layak. Antara perkara yang dilaksanakan adalah:

- a) Perubahan spesifikasi dan rekabentuk PPRT sedia ada melibatkan pengurangan kos sehingga 18%. Perubahan ini tidak menjejaskan kualiti serta skop PPRT sedia ada iaitu dengan keluasan 660 kaki persegi dan 3 bilik tidur;

## NO. SOALAN : 552

- b) Melaksanakan kaedah pembinaan secara *Industrialised Building System* (IBS) untuk mengurangkan tempoh pembinaan dan kos disamping mengekalkan speksifikasi dan kualiti setara dengan kaedah konvensional; dan
  - c) Mengadakan program latihan industri dalam projek-projek PPRT di seluruh negara kepada pelatih-pelatih GIATMARA serta institusi latihan di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah. Program ini memberi pendedahan latihan sebenar industri pembinaan kepada pelatih khususnya berkaitan pembinaan secara IBS untuk meningkatkan kebolehpasaran pelatih setelah tamat kursus.
2. Dengan pengurangan kos pembinaan berikutan pelaksanaan perubahan spesifikasi dan penggunaan kaedah IBS, terdapat pertambahan kira-kira 300 unit rumah dapat disediakan untuk tahun 2019.
3. Pada tahun pertama pelaksanaan kaedah pembinaan IBS ini, terdapat pelbagai isu yang berbangkit dan menyebabkan pelaksanaan PPRT di seluruh negara agak perlahan. Antara isu yang kritikal adalah seperti berikut:
- a) Tahap kesediaan yang rendah di kalangan kontraktor binaan kelas G1 melaksanakan projek secara IBS berikutan tiada pengalaman dan kepakaran;
  - b) Kekurangan pekerja terlatih (*installer*) untuk liputan projek di seluruh negara; dan
  - c) Kekurangan bilangan pembekal bahan IBS yang bersedia membekalkan bahan untuk projek-projek PPRT bersifat individu di kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan yang sukar diakses.

**NO. SOALAN : 552**

4. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengambil langkah berikut untuk mengatasi isu berkenaan, iaitu:

- a) Mengadakan kerjasama dengan pihak CIDB, agensi pelaksana dan kontraktor mengenai peluang kursus, latihan dan penarafan kod bidang berkaitan IBS;
- b) Menjemput pengeluar IBS yang ada di pasaran untuk mengemukakan cadangan produk dan kaedah pembinaan untuk dinilai oleh Bahagian Teknikal di Kementerian melalui iklan di laman web Kementerian;
- c) Mengadakan program latihan industri kepada pelatih GIATMARA dan institusi latihan di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah bagi meningkatkan jumlah *installer* IBS; dan
- d) Mengadakan sesi penerangan dan perbincangan dengan agensi pelaksana dari masa ke semasa berkaitan kaedah pembinaan secara IBS supaya agensi pelaksana dapat memberikan penerangan yang jelas kepada kontraktor binaan di lapangan.

5. Sasaran keseluruhan bantuan bina baharu rumah pada tahun 2019 adalah sebanyak 1,224 unit. Daripada jumlah tersebut, disasarkan 60% dibina secara IBS. Sehingga 30 September 2019, sebanyak 210 unit rumah telah disiapkan dengan 15 unit menggunakan kaedah IBS. Baki sebanyak 1,014 unit sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan yang dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2019.